

1. Bezakan teori strukturalis dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara sedang membangun mengikut perspektif A. Lewis (1954) dan G. Ranis dan J. Fei (1963).
[25 markah]
2. [a] Jelaskan konsep dan andaian Pekali Gini
[10 markah]
[b] Merujuk kepada sesebuah negara, bincangkan kekuatan dan kelemahan Pekali Gini dalam menganalisa agihan pendapatan penduduk.
[15 markah]
3. Bincangkan kepelbagaian struktur dan pembangunan ekonomi kelompok negara sedang membangun.
[25 markah]
4. [a] Jelaskan maksud ekonomi global.
[5 markah]
[b] Bincangkan sejauhmana ekonomi global mempengaruhi anjakan pelaburan terus asing dekad 1980an dan 1990an.
[20 markah]
5. Kumpulan negara-negara "Asian NIEs" dan "ASEAN 4" (Malaysia, Thailand, Filipina dan Indonesia) dikatakan penggerak utama kepada pertumbuhan pesat ekonomi di rantau Asia selain negara China. Bincangkan pernyataan tersebut berdasarkan pengalaman **SEBUAH** negara yang anda ketahui.
[25 markah]
6. Buruh asing dikatakan sering memberi kesan-kesan positif dan negatif kepada ekonomi negara penerima. Bincangkan kesan-kesan ekonomi tersebut dalam konteks Malaysia.
[25 markah]
7. Bincangkan faktor-faktor penyebab kepada timbulnya masalah kewangan dan kredit di kalangan enterpris kecil dan sederhana (EKS) di negara sedang membangun.
[25 markah]